



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 27 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	PPK SELURUH NEGARA DISERU CONTOHI PPK KUALA LANGAT JANA PENDAPATAN PETANI-KIANDEE, ASTRO AWANI -ONLINE 60 PERATUS PEMEGANG AP IMPORT DAGING DIMILIKI SYARIKAT BUMIPUTERA, MALAYSIA KINI -ONLINE MAMPU TANGANI ISU ORANG KETIGA, LOKAL, HM -20 YB HULUR BANTUAN, BERI MOTIVASI, LOKAL, HM -20 60 PERATUS BUMIPUTERA PEGANG AP, NEGARA, KOSMO -6 PPK DISARAN PANTAU ORANG TENGAH, NEGARA, KOSMO -16 MEAT IMPORT COMPANIES: ABOUT 60 PER CENT OF AP HOLDERS ARE BUMIPUTERAS, SAYS MINISTER, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -4 BUMIPUTERA HOLDS 60PCT OF MEAT IMPORT PERMITS, NATION, CHINA PRESS - A21 BUMI FIRMS ACCOUNT FOR 60% OF AP HOLDERS IMPORTING MEAT, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 'MOST MEAT IMPORTERS ARE BUMI FIRMS', NEWS/NATION, NST -8 60% PEMEGANG AP DARIPADA SYARIKAT MILIK BUMIPUTERA, LOKAL, HM -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	AYAM TIDAK HALAL?, MUKA DEPAN, HM -1 MAQIS PATAH CUBAAN, LOKAL, HM -2 WANG KELUARGA LESAP DIPERDAYA BRYAN LEONG, LOKAL, HM -3 TALI GANTUNG TUNGGU TOKAN, LOKAL, HM -3 TAK MENGAKU TERIMA 12 SUAPAN, LOKAL, HM -3 MAQIS RAMPAS AYAM SEJUK BEKU BERNILAI RM495,608, NEGERI PERAK/KEDAH, SH -27 MAQIS RAMPAS LEBIH 61 TAN AYAM BEKU RM495,608, NASIONAL, BH -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
19.	PKS TULANG BELAKANG EKONOMI, PAKEJ PERMAI, HM -5	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

PPK seluruh negara diseru contohi PPK Kuala Langat jana pendapatan petani - Kiandee



Ronald Kiandee (tiga, kiri) bersama Pengurus Besar PPK Kuala Langat, Mohd Shakran Shamsudin (kanan) menunjukkan hasil tuaian cili merah ketika lawatan kerja ke PPHP Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat. - Bernama

KUALA LANGAT: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara diseru mencontohi PPK Kuala Langat yang mampu menjana keuntungan melalui pemasaran hasil pertanian tanpa penglibatan orang tengah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata ini kerana PPK Kuala Langat melalui Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di Telok Penglima Garang di sini menjadi lokasi mengumpul hasil pertanian di sekitar kawasan tersebut sebelum dihantar ke pasar raya dan pasar borong di Selangor dan Kuala Lumpur.

"Aktiviti pemasaran melalui PPHP seperti ini mampu menjana pendapatan yang tinggi dan wajar dicontohi oleh PPK lain.

"Pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian melalui PPHP ini juga mampu mengurangkan pengaruh orang tengah di samping meningkatkan hasil pendapatan petani.

"Kementerian berharap lebih banyak PPK berperanan aktif dalam industri makanan negara sehingga mampu mempunyai kewangan yang kukuh," katanya selepas melakukan lawatan kerja di PPHP PPK Kuala Langat di sini, hari ini.

Sementara itu, mengulas mengenai kenaikan harga makanan, Kiandee berkata ia melibatkan makanan dan sayuran yang diimport kerana harganya tertakluk kepada pasaran dunia.

"Seperti contoh, jagung yang diimport untuk dijadikan makanan haiwan. Harganya sedang meningkat sekarang, jadi ia turut akan memberi kesan kepada industri penternakan ayam dan lembu.

"Bagaimanapun, kenaikan ini masih terkawal dan kementerian saya bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang memantau perkara ini," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

60 peratus pemegang AP import daging dimiliki syarikat bumiputera



Sebanyak 60 peratus daripada jumlah keseluruhan pemegang permit import (AP) daging terdiri daripada syarikat dimiliki oleh golongan bumiputera, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata antara pemegang AP daging syarikat bumiputera ialah Ramly Food Processing Sdn Bhd dan Darabif Meat Company yang berkeupayaan mengimport daging dalam jumlah besar.

"Daripada segi jumlah daging yang diimport, ia bergantung kepada keupayaan syarikat berkenaan. Dua syarikat ini berupaya mengimport daging dalam kuantiti yang besar dan mampu bersaing

dengan syarikat bukan bumiputera," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke pusat pengumpulan hasil tanaman Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, hari ini.



Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang dilaporkan media baru-baru ini mengatakan hanya 10 peratus pemegang AP daging terdiri daripada syarikat bumiputera.

Sementara itu, mengulas mengenai syarikat pemegang AP disenarai hitam kerana melanggar syarat, Kiandee berkata pihaknya masih menunggu hasil siasatan daripada agensi berkaitan.

"Kita masih menunggu hasil siasatan. Kes berkaitan AP daging ini sedang disiasat oleh beberapa agensi antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna.

"Jika terdapat pelanggaran syarat AP ini, MAFI akan mengambil tindakan tegas," katanya.



Baru-baru ini, MAFI dilaporkan sedia membatalkan AP syarikat yang didapati terlibat dalam kartel pengedaran daging sejuk beku tanpa sijil halal dan tidak akan bertolak ansur jika ada kakitangan kementerian itu terbabit dalam isu berkenaan.

- Bernama



DR Ronald memantau kawasan usahawan penanaman cili besar melalui kuali terunggi ketika lawatan kerja di Telok Panglima Garang, Kuala Langat, semalam.

Mampu tangani isu orang tengah

Ahli PPK perlu aktif bantu petani pasar produk agro

Oleh Ruwaida Md Zain
am@metro.com.my

Kuala Langat

Pembabitin ahli Pertubuhan Peladang Kawasannya (PPK) yang aktif dalam rantaian industri ini akan dapat mengurangkan peranan dan pengaruh 'orang tengah' dalam sektor pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, isu orang tengah adalah masalah yang dihadapi dalam sektor pertanian, industri perikanan, penghandalan baja, sawah padi, begitu juga sayur-sayuran.

Menurutnya, PPK di seluruh negara perlu memainkan peranan lebih aktif dalam usaha membantu pe-

PPK (melalui Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian) perlu lebih aktif untuk membantu petani dalam PPK dalam kawasan masing-masing"

Dr Ronald

tani memasarkan produk agro tanpa pembabitin orang tengah.

"Jadi, PPK (melalui Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian) perlu memainkan peranan lebih aktif untuk membantu petani dalam PPK dalam kawasan masing-masing.

"Ini satu masalah yang perlu dihadapi dan ditangan-

ni industri ini. Ia mengambil masa dan tentu sekali lebih banyak usaha dilakukan oleh agensi dalam mengurangkan pengaruh orang tengah dalam industri pertanian keseluruhannya," katanya ketika melawat Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di Pertubuhan Peladang Kawasannya (PPK) Kuala Langat di Telok Panglima Garang di sini, semalam.

Lawatan terbahit bertujuan melihat sendiri operasi pusat itu yang berperanan membantu memasarkan hasil pertanian ahli terbahit.

Ronald berkata, PPHP membantu mengurangkan pembabitin orang tengah yang menguasai 10 peratus hingga 30 peratus pulangan ke atas setiap ringgit.

"Ini menjamin kecukupan

bekalan dan pendedaran agro makanan selain membantu dalam meluaskan pasaran produk makanan ke pasaraya.

"PPHP diwujudkan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai pusat pengumpulan hasil keluaran pertanian dan platform bagi ahli-ahli peladang menyelesaikan masalah berkaitan pemasaran yang dihadapi.

"PPHP membantu petani memasarkan dan menjual sendiri produk mereka terus kepada pengguna dengan menyediakan perkhidmatan kutipan hasil-hasil pertanian terus dari ladang atau kampung dengan menggunakan pengangkutan PPK," katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhan di negara terdapat 294 PPK termasuk Sabah.

YB hulur bantuan, beri motivasi

Kuala Lumpur: Ibu tunggal, Norrizza Hussin yang tular di media sosial sejak Abad lalu kerana memungkah tong sampah untuk mencari barangan kitar semula, dinasihatkan tidak mencari sisa makanan di situ.

Sebaliknya, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, wanita berkenaan boleh datang ke Pusat Khidmat Ahli Parlimen Tumpat untuk mengambil barangan makanan keperluan asas di sediakan pihaknya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tumpat turun padang menziarahi keluarga Norrizza pada 24 Januari lalu dan turut menghulurkan bantuan kewangan dan memberi nasihat serta kata-kata semangat kepada empat anak Norrizza di rumahnya di Kampung Baru Nelayan, Tumpat.

"Saya menziarahi keluarga Norrizza sebab saja kisah itu tular di media sosial dan saya tiada daya untuk menghalang dia (Norrizza) mencari barangan kitar semula untuk dijadikan pendapatan tambahannya. "Namun, saya nasihatkannya supaya tidak men-



cari sisa makanan di dalam tong sampah seperti spekulasi tular di media sosial.

"Sebaliknya, datang ke Pusat Khidmat Ahli Parlimen Tumpat untuk mengambil barangan makanan keperluan asas yang kami biasa sediakan," katanya.

Pada masa sama, beliau menasihatkan keluarga asnaf di sekitar Tumpat supaya hadir ke pusatnya jika memerlukan bantuan makanan.

Sementara itu, Penghulu Mukim Jubakar Pantai, Ab Rashid Ngah berkata, dia sudah lama mengenali Norrizza dan berasal daripada keluarga susah.

"Norrizza mendapat bantuan daripada pelbagai pihak antaranya penduduk kampung, pengurusan masjid dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Polis buru Ramen miliki senjata api

Iskandar Puteri: Polis memburu seorang lelaki dikenali sebagai Ramen susulan penahanan seorang individu dipercayai memiliki senjata api di kawasan Taman Pulau Indah, Kangkar Pulai, dekat sini.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner Dzulkhairi Mukhtar berkata, individu (lelaki) berusia 28 tahun itu ditahan pada jam 8.10 malam, kelmarin, sebelum merampas senjata api dan peluru.

Katanya, ia membabitkan satu peluru jenis SME 9 milimeter (mm), selaras senapan angin buatan sendiri, selain sepucuk pistol jenis Rev 38 SPL dua inci dan tiga butir peluru 38 Spl di dalam chamber.

"Suspek mempunyai satu rekod jenayah lampau atas kesalahan jenayah dadah dan ujian saringan air kencing turut mendapati dia positif dadah jenis methamphetamine.

"Bagaimanapun, motif suspek yang dipercayai me-



RAMEN

iliki senjata api itu masih dalam siasatan.

"Suspek direman tujuh hari mulai semalam (kelmarin) hingga 31 Januari ini bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 8, Akta Senjata Api (Penalti lebih berat) 1971 dan Seksyen 36(1) Akta Senjata 1960," katanya.

Katanya, Ramen atau nama sebenarnya Mohd Rahmin Ahmad berusia 33 tahun yang dikehendaki itu menggunakan alamat terakhirnya di 30-A, Jalan Pengkalan Rinting, Batu 5 Tampoi, Johor Bahru.

'4 malam berturut-turut gajah datang'

Jerantut: "Sudah empat malam berturut-turut sekumpulan gajah liar, memasuki kampung kami dan merosakkan tanaman."

"Lebih risau lagi gajah berani menghampiri rumah penduduk, cuma kira-kira 500 meter sahaja," kata Mohd Nazir Jamaludin.

Katanya, penduduk Kampung Doja kini resah dengan kehadiran sekumpulan gajah liar itu yang dipercayai tiga atau empat ekor berdasarkan tapak kaki dan najis ditinggalkan.

Menurutnya, setakat ini, tiga pemilik kebun mengalami kerugian apabila gajah itu memakan tanaman mereka.



KEADAAN kebun penduduk Kampung Doja, Jerantut yang dimusnahkan kumpulan gajah liar.

"Setakat ini kebun pisang seluas 0.7 hektar musnah, gajah liar turut musnahkan pokok kelapa sawit serta pondok dalam kebun.

"Selain itu gajah itu turut membunuh seekor lembu dan seekor lembu lagi patah kaki," katanya.

Beliau berkata, gajah itu

dipercayai datang dari hutan sekitar Pulau Tawar berhampiran sungai Salan.

Katanya, gajah itu hanya muncul sebelah malam dan memasuki kebun yang sama.

Beliau berkata, apa yang mereka risau gajah itu semakin berani menghampiri rumah penduduk dan bimbang kejadian tidak diingini berlaku.

Katanya, itu adalah kejadian kedua gajah memasuki kampung berkenaan.

"Kami berharap Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bertindak segera menghalau atau menangkap gajah itu," katanya.

Tiada pemegang AP disenarai hitam berhubung kes kartel daging

60 peratus bumiputera pegang AP

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA LANGAT - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyangkal dakwaan pengimport daging bumiputera dinafikan hak sebaliknya 60 peratus pemegang permit import (AP) terdiri daripada golongan tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, ini termasuk syarikat Darabif Meat dan Ramly Food Processing Sdn. Bhd. yang merupakan antara pemegang AP bumiputera yang menonjol dari segi kuantiti dan daya saing mereka.

"Berdasarkan rekod MAFI mendapati 60 peratus pemegang AP adalah dalam kalangan Melayu Bumiputera namun dari segi volume (jumlah) tidak boleh ditentukan berikutan urusan perniagaan masing-masing.

"MAFI mengeluarkan kuota import bergantung kepada kapasiti perniagaan," katanya selepas membuat lawatan kerja di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) Perubuhan Peladang Kawasan (PPEK) Kuala Langat di sini + semalam.

Beliau bagaimanapun, tidak menyatakan secara lanjut jumlah

pemegang AP daging di negara ini.

Akhtar tempatan sebegini ini melaporkan bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang mendedahkan pengimport daging bumiputera dinafikan hak dan peluang dalam industri itu dengan 10 peratus sahaja pengimport daripada kumpulan itu di negara ini.

Dalam perkembangan berlainan, Ronald memberitahu, tiada pemegang AP disenarai hitam setakat ini susulan kes kartel daging, namun terdapat daripadanya kini disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Selagi tiada bukti pelanggaran syarat AP yang ditetapkan kerajaan, penyenarai hitam itu tidak berbangkit dengan kita masih menunggu hasil siasatan daripada agensi terbabit sebelum mengambil sebarang tindakan tegas.

"Kita juga sedang memantau berhubung pengimportan halal dan mematuhi syarat agar kudat pemegang AP ini," katanya.



SEBANYAK 60 peratus pemegang AP daging import sejuk beku di negara ini terdiri daripada golongan bumiputera. - GAMBAR HIASAN

PPK disaran pantau orang tengah

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA LANGAT - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) disaran lebih efektif dalam membantu ahli mereka dalam mengurangkan penglibatan orang tengah menguasai rangkaian sektor pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, langkah itu mampu dilaksanakan dengan kewujudan Pusat Pengumpulan Hasil Peladang (PPHP) sebagai platform bagi ahli-ahli PPK.

PPHP khususnya dapat mengurangkan penglibatan orang tengah yang menguasai 10 hingga 30 peratus pulangan pertanian.

"Orang tengah ini menjadi permasalahan dalam sektor seperti pertanian, makanan, penghantaran baja sehingga sayur-sayuran dan sebab itu PPK perlu memainkan peranan lebih efektif dalam membantu ahli mereka.

"Kalau ada penglibatan ahli yang aktif dalam rangkaian industri ini sudah pasti dapat mengurangkan peranan dan pe-



RONALD (dua kiri) mendengar mengenai hasil tuai dari petani cili fergasi yang dihantar oleh peladang ketika melakukan lawatan kerja ke PPHL di Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat di Telok Panglima Garang semalam.

ngaruh orang tengah," katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja di PPHP PPK Kuala Langat di sini semalam.

Setakat ini, terdapat 294 PPK dengan menyediakan perkhid-

matan kutipan hasil-hasil pertanian terus dari ladang atau kampung menggunakan pengangkutan PPK.

Ronald turut memuji PPK

Kuala Langat yang berkeupayaan berdikari dan mempunyai kewangan kukuh, selain mempunyai PPHP yang mengumpulkan hasil tani dari serata kawasan termasuk dari luar daerah ini sebelum dihantar ke pasar raya dan pasar borong di Kuala Lumpur.

"Ini adalah satu kejayaan membanggakan dan kita berharap lebih banyak PPK bergiat dalam industri agro makanan dengan lebih efisien," jelasnya.

Ketika mengulas isu kenaikan harga makanan berasaskan pertanian, Ronald menegaskan perkara itu berlaku kerana sumber bahan itu diimport dan harganya tertakluk kepada pasaran dunia.

"Contohnya jagung yang diimport untuk makanan haiwan yang kini meningkat serta memberikan kesan kepada industri penternakan ayam dan lembu. Kenaikan itu terkawal dengan pemantauan dilakukan Mafi bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna," katanya.

Headline	Meat import companies: About 60 per cent of AP holders are Bumiputeras, says minister		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	27 Jan 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	4	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	232 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,164
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,492



Meat import companies: About 60 per cent of AP holders are Bumiputeras, says minister

KUALA LANGAT: About 60 per cent of the approved permit (AP) holders involved in meat-importing activities are Bumiputera companies, says Minister of Agriculture and Food Industries Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee.

He says among Bumiputera AP holders are Ramly Food Processing Sdn Bhd and Darabif Meat Company, which are capable of importing large quantities of meat.

"In terms of the quantity of (imported meat), it depends on the ability of the company. These two companies are able to import meat in large quantities and are able to compete with non-Bumiputera companies," he told reporters after a working visit to the Area Farmers Organisation (PPK) Kuala Langat here yesterday.

Kiangdee was commenting on the claims made by former deputy minister of agriculture and agro-based industry Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman in the media recently that only 10 per cent of AP holders to import meat were Bumiputera companies.

In commenting on the AP holders blacklisted for violating the conditions, Kiangdee said the Ministry of Agriculture and



Kiangdee (third left) joins others in showing abundant harvest of red chillies at PPK Kuala Langat. — Bernama photo

Food Industries (Mafi) was still waiting for the results of the investigation from the relevant agencies.

"The case related to this meat AP is being investigated by several agencies including the Malaysian Anti-Corruption

Commission, the Royal Malaysia Police, the Royal Malaysian Customs and the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs.

"If there is a violation of this AP conditions, Mafi would take stern action," he said.

Recently, Mafi was reportedly ready to revoke the companies' APs if they were found to be involved in the frozen meat distribution cartel without a halal certificate and would not tolerate any ministry staff involved in the issue. — Bernama

Headline	Bumiputera holds 60pct of meat import permits		
MediaTitle	China Press		
Date	27 Jan 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A21	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	307 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,056
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,168



農長回應僅擁有10% 土著持60%肉類進口證

（瓜拉冷岳26日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，国内有60%的肉类进口许可证，是由土著公司持有，其中Ramiy食品处理有限公司和Darabif公司有能力进口大量肉类。

“肉类进口量皆视相关公司的能力范围，而以上两家公司有能力进口大量肉类，可以与非土著公司竞争。”

罗南建迪是今日巡视当地农民协会农作物收集中心后，就前农业及农基工业部

副部长拿督斯里达祖丁，称目前仅有10%肉类进口许可证是土著公司一说，如是回应。

另外，针对有肉类进口许可公司因违例而被列入黑名单，罗南建迪指当局还在调查中，一旦证实该公司违例，该部将采取严厉行动。

“我们还在等待调查结果，现在反贪污委员会、警方、关税局和国内贸易及消费人事务部正在调查。”



■ 物
罗南建迪（中）在中心工作人员解说下，巡视农作

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	2

Bumi firms account for 60% of AP holders importing meat

KUALA LANGAT: About 60% of the approved permit (AP) holders involved in meat importing are bumiputra companies, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

He said among bumiputra AP holders are Ramly Food Processing Sdn Bhd and Darabif Meat Company, which are capable of importing large quantities of meat.

"In terms of the quantity of (imported meat), it depends on the ability of a company. These two companies are able to import meat in large quantities and are able to compete with non-bumiputra companies,"

he told reporters after a working visit to the area farmers' organisation in Kuala Langat yesterday.

He was commenting on claims made by former deputy minister of agriculture and agro-based industry Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman in the media recently that only 10% of AP holders importing meat are bumiputra companies.

Commenting on AP holders blacklisted for violating permit conditions, Kiang said the Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) is still awaiting the results of the investigation from relevant agencies.

"The case related to the meat AP is being investigated by several agencies including the Malaysian Anti-Corruption Commission, police, Customs Department and the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs.

"If there is a violation of AP conditions, Mafi will take stern action," he said.

It was reported that Mafi was ready to revoke the APs of companies found to be involved in the frozen meat distribution cartel without a halal certificate and would not tolerate any ministry staff found involved in the issue. — Bernama

MEAT CARTEL

'MOST MEAT IMPORTERS ARE BUMI FIRMS'

60 per cent of AP holders comprise Bumi firms, says minister in refuting claim

KUALA LANGAT

ABOUT 60 per cent of the Approved Permit (AP) holders involved in meat importing activities are Bumiputera companies, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee.

He said among the Bumiputera

AP holders were Ramly Food Processing Sdn Bhd and Darabif Meat Company, which were capable of importing large quantities of meat.

"In terms of the quantity (of imported meat), it depends on the ability of the company."

"These two companies are able to import meat in large quantities and are able to compete with

non-Bumiputera companies."

Khandee said this after a working visit to Kuala Langat Area Farmers' Organisation yesterday.

He was commenting on the claims made by former deputy Agriculture and Agro-based Industry minister Datuk Seri Tajudin Abdul Rahman recently that only 10 per cent of AP holders that were importing meat were Bumiputera companies.

Commenting on the AP holders

blacklisted for violating the conditions, Khandee said the Agriculture and Food Industries Ministry was waiting for the results of the investigation.

"The case is being investigated by several agencies, including the Malaysian Anti-Corruption Commission, Royal Malaysia Police, Customs Department and Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry."

"If there is a violation of the

conditions, the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs will take stern action against those involved."

Recently, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry said it was ready to revoke the APs of companies if they were found to be involved in the frozen meat distribution cartel without a halal certificate and would not tolerate any ministry staff being involved in such cases. **Bernama**



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee (centre) being briefed about chilli fertigation during his visit to the Kuala Langat Area Farmers' Organisation yesterday. **BERNAMA** PIC

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2021	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1

RM2.00 WWW.HMETRO.COM.MY HARIANMETRO HMETROMY SABU 27 JANUARI 2021

ANGKA TERKINI COVID-19 PULIH 149,160 | KES BAHARU 3,585 | KEMATIAN 700 | JUMLAH KESELURUHAN 190,434

Menyamar Rakan, Saudara TIRU SUARA UNTUK 'PINJAM' WANG

Harian Metro **RASAI BERITA SEBENAR**

AYAM TIDAK HALAL? DIBAWA MASUK DARI NEGARA JIRAN

Belum reda isu kartel daging sejuk beku, sempadan negara sekali lagi cuba dibolosi selepas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQPS) berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk lebih 61 tan daging ayam sejuk beku dari Thailand yang diragui status halalanya berikutan tidak mematuhi syarat import. Rampasan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Malaysia (ICKS), Bukit Kayu Hitam, Kedah itu dibuat selepas siasatan awal mendapati ia dipercayai datang dari pusat penyembelihan yang tidak diiktiraf dan meragukan, lapor Zulkiyffli

KOTAK ILMU MUDAHKAN IBU BAPA DAPATKAN BAHAN PDPR

KETUA SINDIKET DADAH TERBESAR DIDAKWA NAFI 18 PERTUDUHAN EDAR DADAH

27/1/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

2

Pesakit mental tikam warga emas

Kuantan: Seorang lelaki berumur 40 tahun ditahan selepas dipercayai menikam seorang warga emas berumur 73 tahun di kawasan parkir di Pasar Besar Kuantan, di sini, Ahad lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Pahang, Datuk Othman Nanyan berkata, suspek terbabit ditahan sepasukan polis dari JSJ Ibu Pejabat Polis Daerah IPD Kuantan di tepi Jalan Besar, di sini pada jam 3.26 petang semalam.

Katanya, hasil semakan mendapati lelaki terbabit tidak mempunyai sebarang rekod jenayah lampau.

"Bagaimanapun, suspek memiliki kad rawatan pesakit mental di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini.

"Dalam kes ini, siasatan dijalankan mengikut



OTHMAN

Sekyen 324 Kanun Keseksan kerana mendatangkan kecederaan menggunakan senjata berbahaya.

"Kesalahan itu boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.." katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata,

berdasarkan laporan, warga emas berumur 73 tahun bersama isterinya didatangi seorang lelaki di kawasan parkir Pasar Besar Kuantan pada 10.30 pagi, Ahad lalu.

Katanya, secara tiba-tiba lelaki tidak dikenali itu bertindak menikam mangsa menggunakan senjata dipercayai sebilah pisau di bahagian pinggang sebelah kanan.

"Mangsa pada awalnya mendapatkan rawatan di klinik Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pahang sebelum dipindahkan ke HTAA untuk rawatan lanjut.

"Mangsa kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) HTAA.

"Siasatan di tempat kejadian juga menemui sebilah pisau yang dipercayai digunakan untuk menikam mangsa," katanya.



RONALD Klandee (tiga dari kiri) menunjukkan hasil tuai cili merah ketika lawatan kerja ke PPK Kuala Langat, semalam.

60% pemegang AP daripada syarikat milik Bumiputera

Kuala Langat: Sebanyak 60 peratus daripada jumlah keseluruhan pemegang permit import (AP) daging terdiri daripada syarikat dimiliki oleh golongan Bumiputera.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), Datuk Seri Dr Ronald Klandee mengulas dakwaan pengimport Bumiputera dinafikan hak dan industri ini dimonopoli bukan Bumiputera.

"Saya tidak tahu (mengenai dakwaan itu) tetapi dalam rekod di Kementerian, lebih 60 peratus pengimport diberi kebenaran setakat ini adalah dalam kalangan Bumiputera.

"Tetapi dari segi jumlah itu, kita tidak dapat tentukan sebab itu urusan *business to business*. Contohnya berapa banyak boleh import bergantung kepada kapasiti, seperti Ramly Burger, Darabif Meat Company ia adalah pengimport Bumiputera yang ke hadapan dari segi kuantiti dan mampu bersaing dengan bukan Bumiputera.

"Jadi, Mafi akan keluaran kuota import, Mafi keluaran kuota import berdasarkan kepada kapasiti perniagaan seseorang pengimport," katanya dalam sidang media ketika melawat Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat di sini, semalam.

Lawatan itu bertujuan melihat sendiri operasi pusat itu yang berperanan membantu memasarkan hasil-hasil pertanian ahli terbabit.

Dalam pada itu katanya, sehingga kini belum ada mana-mana syarikat disenarai hitam namun terdapat beberapa syarikat kini dalam siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kita hanya bertindak ke atas pemegang AP yang melanggar syarat. Selagi tidak bukti pembahagian AP melanggar syarat permit import diberikan kepada mereka, soal untuk senarai hitam tidak berbangkit.

"Kita lihat dan tunggu siasatan yang dibuat agensi penyiasat lain dan jika ada pembabitin dari segi pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Kementerian, sudah tentu tindakan tegas akan diambil ke atas mereka.

"Belum ada disenarai hitam tetapi sedang disiasat. Setakat ini dr segi pengimportan halal, haram dan pematuan syarat-syarat, ia sedang dipantau. Ia dipantau oleh pemegang AP. Ada isu lain seperti kastam, perlabihan, itu adalah penyiasatan oleh agensi penyiasat lain," katanya.



SEBAHAGIAN daripada ayam sejuk beku bernilai RM495,608 dari Thailand yang dirampas Maqis.

MAQIS PATAH CUBAAN

Rampas 61.9 tan ayam sejuk beku dari Thailand diragui status halal

Oleh Zulisty Zulkifli
am@hmetro.com.my

Bukit Kayu Hitam

Cubaan penyeludup membawa masuk 5,161 kotak ayam sejuk beku seberat 61.9 tan dari Thailand yang diragui status halalnya digagalkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Ahad lalu.

Semua ayam sejuk beku bernilai RM495,608 itu dirampas dalam pemeriksaan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Malaysia (ICQS) di sini, pada jam 4 petang.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, daging ayam sejuk beku itu dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import apabila ia dipercayai dari pusat penyembelihan yang tidak diiktiraf dan meragukan.

Beliau berkata, kegagalan untuk mengemukakan maklumat berkenaan menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta



Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 15(2) Akta yang sama.

"Maqis tidak akan leka dan memandang mudah terhadap perkara ini serta

akan terus komited dalam memastikan tumbuan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih, mikroorganisma dan makanan yang diimport bebas daripada ancaman

27/1/2021

HARIAN
METRO

3

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Ketua sindiket dadah terbesar negara serta empat lagi ahli sindiket terbabit didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, semalam atas 18 pertuduhan mengedar dadah, awal bulan lalu.

Tertuduh membabitkan ketua sindiket berkenaan, Goh Chee Kuang, 44, teman wanita ketua sindiket, Lee Chia Hui, 33, Bally Paw Shaw Kiat, 38, serta dua beradik, Lye Chang Pung, 39 dan Lye Chang Lim, 36.

Bagaimanapun, tiada sebarang pengakuan direkodkan terhadap semua tertuduh selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Majistret Nurmadiana Mamat.

Chang Pung berdepan lima pertuduhan, Shaw Kiat pula empat, manakala Chee Kuang, Chia Hui dan Chang Lim, masing-masing tiga pertuduhan.

Mereka secara bersama didakwa mengedar beberapa jenis dadah berbahaya termasuk ketamin dan methamphetamine antara 103 gram (g) hingga 210 kilogram (kg).

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Taman Moutit

INFO

Mereka secara bersama didakwa mengedar beberapa jenis dadah berbahaya termasuk ketamin dan methamphetamine antara 102 gram (g) hingga 210 kilogram (kg).

Austin, Taman Baiduri dan Taman Setia Indah di sini, antara 9 hingga 15 Januari 2021.

Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a), Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2), akta sama dan dibacakan bersama Seksyen 34, Kanun Keseksaan.

Mereka berdepan hukuman mati mandatori iaitu hukuman gantung sampai mati, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan

TALI GANTUNG TUNGGU TOKAN

Geng sindiket dadah terbesar negara didakwa atas 18 tuduhan edar dadah



TERTUDUH tiba di Mahkamah Majistret, semalam.

Timbalan Pendakwa Raya, Faizal Noor Hadi dan Suriani Ujang, manakala semua tertuduh diwakili Peguam Bela, Datuk Micheal K I Chee dan Kevin Quah Kai Weng.

Mahkamah menetapkan 26 April ini untuk sebutan semula bagi serahan laporan kimia.

Sebelum ini, media melaporkan, polis Johor berjaya membuat 23 serbuan di lokasi berbeza sekitar Johor Bahru, sekali gus membongkar aktiviti sindiket membabitkan lima stor penyimpanan dadah dan dua makmal haram memproses dadah, antara 8 sehingga 17 Januari lalu.

Dalam serbuan itu, polis



menahan 17 ahli sindiket termasuk tujuh wanita tempatan berusia antara 17 dan 62 tahun, namun empat daripadanya dibebaskan dan akan dijadikan saksi

pendakwaan di mahkamah. Keseluruhan dadah yang dirampas adalah bernilai RM 327 juta yang boleh menampung 16.7 juta penagih.

Wang keluarga lesap diperdaya Bryan Leong

Alor Setar: Akibat terdesak mendapatkan pinjaman wang, seorang wanita berputih mata apabila kerugian RM84,290 selepas ditipu sindiket penipisan pinjaman wang yang tidak wujud, awal bulan ini.

Lebih malang lagi, wanita berusia 32 tahun itu menggunakan wang keluarganya bagi urusan pinjaman itu, hanya untuk mendapatkan pinjaman wang sebanyak RM15,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kedah Superintendan Elias Omar berkata, wanita bujang yang bekerja sendiri dari Kulim itu diperdaya individu dikenali sebagai Bryan Leong yang kononnya ejen syarikat pemberi pinjaman dan berhubung melalui aplikasi WhatsApp untuk rujukan pinjaman terbabit.

Katanya, mangsa yang terdesak mahu mendapatkan pinjaman wang bersetuju untuk membuat pinjaman wang dan suspek menjanjikan kelulusan segera bagi pinjaman berkenaan.

"Selepas berjaya mendapatkan kepercayaan mangsa untuk membuat pinjaman, suspek meminta bayaran seperti insurans, membuka fail, bayaran percubaan pinjaman dan sistem pembayaran pinjaman sekiranya mahu mendapatkan pinjaman.

"Atas dasar percaya, mangsa membuat pemindahan wang sebanyak 38 transaksi membabitkan 11 akaun bank yang diberikan suspek sejak awal bulan ini," katanya dalam kenyataannya, di sini, semalam.

Beliau berkata, mangsa menggunakan wang yang dipinjam daripada keluarganya untuk membayar tuntutan suspek itu dengan jumlah keseluruhan transaksi sebanyak RM84,290.

Tak mengaku terima 12 suapan

Seremban: Seorang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (IIM) yang ditahan dalam Op Selat dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 12 pertuduhan menerima suapan dan pengubahan wang haram berjumlah RM885,950 sejak 2017 hingga tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Shah Ezywan Abd Rahman, 34, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Madiha Harullah.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kelapan, Mohd Shah Ezywan yang juga Pegawai Imigresen gred KP19 didakwa memperoleh wang melalui transaksi akaun bank berjumlah RM885,950 daripada tiga individu yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Malayan Banking Berhad cawangan Nilai, di sini, antara 11 Januari 2017 hingga 1 November 2020.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman

penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mohd Shah Ezywan turut berdepan empat lagi pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram daripada individu sama melalui transaksi akaun bank di bank sama atas nama seorang individu, antara 29 Mac 2017 hingga 19 Mei tahun lalu.

Empat pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4 (1) akta sama, membawa hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM5 juta atau mana yang lebih tinggi.

Madiha membenarkan Mohd Shah Ezywan dilkat jamin RM65,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah, hadir ke pejabat SPRM berdekatan serta tidak boleh mengganggu saksi terbabit.

Mahkamah menetapkan 26 Februari untuk sebutan semula kes.



Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali mengikut Seksyen 15(2) Akta yang sama"

Lily Rosalind

perosak, penyakit dan bahan cemar.

"Ia juga bagi tidak menjejaskan sektor pertanian negara serta mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan, ikan dan keselamatan nakanan," catanya.



AYAM sejuk beku yang diragui status halal.

Maqis rampas ayam sejuk beku bernilai RM495,608

BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan membawa masuk ayam sejuk beku dianggarkan bernilai RM495,608 dari Thailand di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada Ahad.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, hasil pemeriksaan rutin dilakukan oleh pegawai Maqis pada jam 4 petang mendapati sebanyak 5,161 keratan ayam sejuk beku dengan anggaran berat 61,932 kilogram (kg) yang cuba dibawa masuk itu tidak mematuhi syarat import.

Menurutnya, bekalan itu juga dipercayai dibawa dari pusat penyembelihan yang tidak diiktiraf selain meragukan.

"Maqis tidak akan leka atau memandang mudah perkara ini dan akan terus komi-

ted memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan yang diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit, bahan cemar serta tidak menjejaskan sektor pertanian negara dan mematuhi aspek kesihatan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Lily Rosalind berkata, kegagalan pihak terbabit mengemukakan maklumat berkaitan adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali, bawah Seksyen 15(2) Akta sama.

"Pengimport akan dikenakan tindakan lanjut atas kesalahan cuba membawa masuk barangan tanpa dokumen sah," katanya.



Kotak mengandungi potongan ayam sejuk beku yang cuba dibawa masuk dari Thailand berjaya dirampas anggota Maqis.

MAQIS rampas lebih 61 tan ayam beku RM495,608

Produk Thailand dipercayai dibawa dari pusat pembelian penyembelihan tidak diiktiraf

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas lebih 61 tan ayam sejuk beku yang anggar bernilai RM495,608 yang cuba diseludup dari Thailand ke negara ini Ahad lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 petang itu, lori bawa ayam yang dipotong kepada 5.161 bahagian itu ditahan dalam pemeriksaan di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam.

Pengarah MAQIS Kedah, Lily Rosalind Paul, berkata pemeriksaan mendapati keratan ayam itu cuba dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import dan dipercayai dibawa dari pusat penyem-



Sebahagian keratan ayam sejuk beku dari Thailand yang dirampas MAQIS.

(Foto ihsan MAQIS)

belihan tidak diiktiraf serta meragukan.

"Kegagalan mengemukakan maklumat berkenaan adalah kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, pada kira-kira

Pemeriksaan mendapati keratan ayam itu cuba dibawa masuk tanpa mematuhi syarat import.

Lily Rosalind Paul,
Pengarah MAQIS Kedah

jam 6 petang di lokasi sama, MAQIS turut merampas 191 botol benih cendawan dan sembilan bungkus sosej dianggarkan bernilai RM854 selepas lori yang ditahan gagal mengemukakan permit import sah.

Lily berkata, MAQIS tidak akan memandang mudah perkara ini dan sentiasa komited memastikan keluaran pertanian diimport bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar bagi memastikan sektor pertanian negara tidak terjejas.

PKS tulang belakang ekonomi

Langkah kerajaan percepat Skim Mikro Kredit bantu aliran tunai peniaga adalah keputusan tepat

Oleh Suliati Asri, Essa
Abu Yamin, Ruwaida Md
Zain, Mohd Rafi Mamat,
Yun Mikail
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Langkah kerajaan menerusi Pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai) mempercepatkan pelaksanaan Skim Mikro Kredit bagi membantu aliran tunai perusahaan mikro dan Sederhana (PKS) melalui institusi pembangunan kewangan adalah keputusan yang tepat.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia Dr Zariyawati Mohd Ashhari berkata, 98 peratus pertubuhan perniagaan di negara ini terdiri perusahaan mikro dan PKS.

Katanya, mereka adalah tulang belakang ekonomi negara dan langkah mempercepatkan pelaksanaan skim mikro Kredit itu sangat penting bagi memastikan sumbangan PKS kepada ekonomi negara kekal signifikan.

"Dengan kemudahan mikro Kredit ini, ia membantu perusahaan mikro serta PKS yang

MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN SKIM MIKROKREDIT

Bagi membantu aliran tunai perusahaan mikro dan PKS, kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan skim-skim mikro Kredit, sepertimana yang pernah diumumkan sebelum ini.

Sejumlah **RM1 bilion** kemudahan mikro Kredit disediakan yang merangkumi pinjaman mudah berjumlah:

RM390 juta	RM350 juta	RM295 juta
oleh BSN	oleh AGRO BANK	oleh TEKUN

mempunyai kesulitan aliran tunai kerana berdepan cabaran besar ekoran penularan Covid-19.

"Agrobank, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Tekun adalah institusi pembangunan kewangan yang ditubuhkan bagi

membantu pembiayaan PKS supaya sektor PKS lebih kukuh, berkembang seterusnya menyokong pembangunan ekonomi negara.

"Jadi, syarat pembiayaan daripada institusi ini lebih mudah berbanding bank



DR Zariyawati

komersial selain pengusaha mikro atau PKS boleh memilih jenis pembiayaan mikro Kredit yang sesuai dengan perniagaannya tanpa perlu menyediakan cagaran untuk mendapatkan pinjaman tersebut," katanya.

Dr Zariyawati berkata, selain kos pembiayaan mikro Kredit atau kadar faedah dikenakan lebih rendah, terdapat beberapa jenis skim mikro Kredit disediakan BSN dan Tekun mengenai kadar faedah sifar ketika pandemik ini.

"Menerusi pembiayaan itu, peminjam juga boleh menangguhkan pembayaran pinjaman bulanan sehingga enam bulan selepas mendapat kelulusan kemudahan mikro Kredit.

"Kemudahan serta

bantuan ini sangat baik kerana membolehkan pengusaha mikro dan PKS menampung kesulitan aliran tunai dalam beberapa tempoh sebelum pendapatan perniagaan pulih," katanya.

Proses mendapatkan kemudahan disediakan itu kata Dr Zariyawati, cukup mudah dan boleh dilakukan dalam tempoh singkat.

Bagaimanapun katanya, jika perusahaan tidak berapa pasti dan tidak faham syarat serta dokumentasi disediakan, ia boleh melambatkan proses kelulusan kemudahan mikro Kredit.

"Tidak hanya pengusaha berdaftar, terdapat juga skim kemudahan mikro Kredit untuk usahawan yang tiada lagi Pendaftaran Perniagaan (SSM) atau lesen pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Sebagai contoh, Skim Pembiayaan Informal (SPIN) ditawarkan Tekun. Dengan pembiayaan berjumlah RM1,000 hingga RM5,000, ia mungkin kecil tetapi dapat membantu terutama usahawan yang baru memulakan perniagaan tanpa daftar perniagaan atau lesen perniagaan dan proses kelulusannya hanya mengambil masa tujuh hari bekerja tertakluk terma dan syarat.

"Jika peniaga ini perlu berulang-alik ke bank atas urusan permohonan pembiayaan ini, ia menyusahkan peniaga kerana dalam keadaan sekarang, nak dapatkan untuk pun susah. Mereka boleh kehilangan pendapatan walaupun hanya sehari dua tidak berniaga," katanya.

Rosli yang juga Presiden Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkata, secara peribadi beliau tidak menggalakkan peniaga terutama peniaga kecil membuat pinjaman dan menggalakkan mereka menggunakan modal ada untuk meneruskan perniagaan.

Katanya, jika peniaga itu terdesak dan memerlukan pembiayaan, manfaatkan ia sebaiknya.

"Dengan pandemik Covid-19 ini, sangat sukar peniaga terutama peniaga kecil dan peniaga memperoleh keuntungan.

"Jadi, selain menyediakan pembiayaan, saya berharap kerajaan dapat meringankan beban peniaga menerusi pemberian geran atau bantuan *one off* sebanyak RM1,000," katanya.

Pengusaha Berjaya Burger, Mohamad Khairul Zulkifle

"Langkah kerajaan ini sangat bagus kerana dengan bantuan ini dapatlah meringankan beban kami sebagai usahawan mikro.

Ia sangat membantu, kerana dalam keadaan ekonomi tidak stabil ini, kerajaan masih mampu beri bantuan kepada usahawan mikro yang terjejas akibat wabak Covid-19.

Pengarah Urusan Fathiyah's Dreams, Rodzi Mohamed, 43 "Dengan penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP, peniaga sangat terkesan.

Pelanggan tidak keluar membeli, jualan merudum dan lambakan stok merungsinakan peniaga. Langkah diambil kerajaan menerusi

mempercepatkan pelaksanaan skim mikro Kredit ini, sangat membantu perniagaan untuk terus beroperasi."

Peniaga makanan, Nor Hasniza Baharudin, 33

"Pelanggan kini tidak ramai seperti dulu walaupun operasi kedai berjalan seperti biasa kerana kami berniaga dari jam 7 pagi hingga 11 pagi. "Jadi, saya berharap, langkah dan bantuan kerajaan ini dapat membantu perniagaan kami."

Usahawan PKS, Siti Nora Mohamad Noor, 37

"Saya terpaksa berhadapan dua dugaan perit, penularan Covid-19 dan banjir besar di daerah Maran memusnahkan bengkel makanan ringan diusahakan.

"Dalam keadaan terdesak ini kemudahan

mikro Kredit dapat membantu usahawan kecil seperti kami."

Peniaga dalam talian, Faridah Sofian

"Harapan saya kerajaan tidak perlu menunggu lama untuk menyediakan kemudahan mikro Kredit ini serta janji yang diberikan sebelum ini.

"Kami semakin terdesak dan sekiranya lebih lama menunggu, tidak mustahil akan tutup kedai."

Pemilik kedai jahit, Dg Nur'asmah Zainuddin, 31

"Ramai peniaga PKS dan mikro sekarang berjuang mempertahankan perniagaan masing-masing.

Apabila skim berkenaan dipercepatkan, ia mampu membantu ramai peniaga termasuklah di Sabah merangsang perniagaan mereka untuk terus kekal."



RODZI



NOR Hasniza



SITI Nora



DG Nur'asmah